

**CABARAN-CABARAN UNTUK MEMBINA KERJAYA DALAM BIDANG  
PERAKAUNAN DI KALANGAN PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI  
POLITEKNIK**

**ROSNIDA BINTI OTHMAN**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

**Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**NOVEMBER 2007**

*Buat Yang Maha Esa*

*Kasih nan abadi, Tiada tandingi Dia yang Satu*

*Buat Mak dan Ayah yang tersayang*

*Terima kasih atas jasa dan pengorbananmu, teristimewa buat bondaku, Siti Rohani bt. Din dan ayahandaku Othman b. Mat*

*Buat Suamiku*

*Terima kasih kerana memahami diriku. Kasih sayang serta kesabaranmu begitu bermakna buat diriku*

*Buat keluarga tercinta*

*Abang Zam, Kak Dila, Shafie dan Amalia  
Dorongan dan keperihatinan kalian membakar semangatku*

*Buat teman seperjuangan*

*Terima kasih buat kalian yang banyak membantu dan berkongsi pandangan serta ilmu...  
Istimewa buat ros, iza, kak anum, haar, zura, oja dan emy.*

*Terima Kasih Atas Segalanya...*

## PENGHARGAAN

*“ DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG ”*

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dapat juga menyiapkan Projek Sarjana ini dengan sempurna mengikut perancangan. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga dan para sahabat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek Profesor Madya Siti Fauzeyah bt. Syed Salim yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini.

Setinggi penghargaan juga kepada pensyarah-pensyarah perakaunan di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Ungku Omar yang sudi memberikan kerjasama dan meluangkan masa dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya sekalung penghargaan kepada kedua ibu-bapa, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan kajian ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dariNya.

## ABSTRAK

Kerjaya dalam bidang perakaunan mempunyai prospek yang luas. Perakaunan adalah inti pati sesebuah perniagaan dan bergerak seiring dengan perniagaan. Selagi wujudnya perniagaan, selagi itulah peluang terbuka luas kepada para lulusan bidang perakaunan. Namun begitu, lulusan perakaunan perlu melengkapkan diri mereka dengan kriteria yang dikehendaki oleh majikan. Kini, kelulusan akademik sahaja tidak mencukupi untuk menempuh alam kerjaya kerana setiap tahun ramai lulusan perakaunan yang menamatkan pengajian dari pelbagai institusi. Oleh yang demikian, bakal lulusan perakaunan perlu mengetahui cabaran-cabaran yang akan ditempuhi untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengkaji cabaran-cabaran utama yang sukar dimiliki dari aspek kemahiran dan personaliti diri di kalangan pelajar semester lima dan enam Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Ungku Omar. Pengkaji juga mengkaji inisiatif yang akan dilakukan oleh responden selepas tamat pengajian. Kajian ini merupakan kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data dibuat melalui soal selidik dan temu bual. Data bagi soal selidik dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.5. Hasil kajian mendapati cabaran dari aspek kemahiran yang sukar dimiliki oleh responden adalah berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan lancar dengan tafsiran min yang terendah. Cabaran dari aspek personaliti diri yang sukar dimiliki adalah mempunyai tahap integriti yang tinggi dengan tafsiran skor min terendah. Inisiatif yang akan dilakukan oleh responden setelah tamat pengajian adalah responden lebih gemar memilih untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Muda Perakaunan dengan skor min tertinggi. Hasil kajian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan secara statistik di antara personaliti diri dengan kemahiran.

## **ABSTRACT**

*Accounting as a profession has wide prospects as it is an important part of business. There are opportunities for accounting graduates with the survival of business. However, accounting graduates should prepare themselves with the needs of their employer. Nowadays, academic qualifications alone is inadequate to advance further because of the many accounting graduates from various institutions. Therefore accounting graduates should be aware of the challenges in order to build their accounting profession. The objective of this research is to study the difficulties of challenges in respect to skills and personality among “Diploma Akauntansi’s” semester five and six students at Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah, Politeknik Seberang Perai and Politeknik Ungku Omar. The researcher also studied the initiatives that will be taken by the respondents after graduation. This is a quantitative and qualitative research. Data is gathered through questionnaires and interviews. Descriptive and inferential statistics using the Statistical Package for Social Science (SPSS) software version 11.5 were used to analyze the data. The results of the research showed that the difficulties in skills is that of communicating fluently in English with the lowest mean scores. For the difficulties of challenges in personality is to have a high level of integrity with the lowest mean score. The initiative that will be taken by the respondents after graduation is to choose to further their studies in Bachelor of Accounting with the highest mean score. The results also showed that there is a significant relationship between personality and skills.*

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>HALAMAN KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>HALAMAN SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>HALAMAN SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>HALAMAN SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>HALAMAN SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>
<b>BABI</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	4
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	7
	1.5 Persoalan Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Skop Kajian	9
	1.8 Batasan Kajian	10
	1.9 Kepentingan Kajian	10

1.10	Kerangka Konsep	11
1.11	Definisi Operasi	12
1.12	Penutup	14

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Sejarah Profesion Perakaunan di Malaysia	15
2.3	Institut Akauntan Malaysia (MIA)	16
2.4	Kemahiran	18
2.4.1	Kemahiran Komputer	18
2.4.2	Kemahiran Tambahan	19
2.5	Personaliti Diri	22
2.5.1	Jenayah Ekonomi	22
2.5.2	Kod Etika Profesion	23
2.5.3	Cabaran Lain	25
2.6	Melanjutkan Pelajaran	25
2.7	Politeknik	27
2.8	Program Akauntansi	27
2.9	Penutup	29

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	30
3.2	Rekabentuk Kajian	31
3.3	Kerangka Operasi	32
3.4	Populasi	34
3.5	Sampel Kajian	35

3.6	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.7	Instrumen Kajian	37
3.7.1	Borang Soal Selidik	37
3.7.2	Kaedah Temu Bual	40
3.8	Kajian Rintis	41
3.9	Analisis Data	43
3.9.1	Kaedah Analisis Data Soal Selidik	43
3.9.1.1	Statistik Deskriptif	43
3.9.1.2	Statistik Inferensi	46
3.9.2	Kaedah Dapatan Temu Bual	47
3.10	Andaian	47
3.11	Penutup	48

#### **BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	49
4.2	Analisis Bahagian A	50
4.3	Analisis Bahagian B	52
4.4	Analisis Bahagian C	58
4.5	Analisis Bahagian D	64
4.6	Hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik	67
4.7	Penutup	68



## BAB V PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan	70
5.2.1.	Ciri utama yang sukar dimiliki bagi cabaran dari aspek kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik	71
5.2.2	Ciri utama yang sukar dimiliki bagi cabaran dari aspek personaliti diri untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik	74
5.2.3	Inisiatif yang akan dilakukan oleh pelajar setelah menamatkan pengajian	77
5.2.3	Hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik	79
5.3	Kesimpulan	80
5.4	Cadangan	81
5.4.1	Cadangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi	81
5.4.2	Cadangan kepada pensyarah-pensyarah bidang perakaunan	82
5.4.3	Cadangan kajian Lanjutan	83
5.5	Penutup	84
	<b>RUJUKAN</b>	85
	<b>LAMPIRAN</b>	90

## SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan populasi	34
3.2	Penentuan saiz sampel berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Kajian ( Krejeie dan Morgan (1970) )	35
3.3	Taburan sampel mengikut politeknik	36
3.4	Maklumat borang soal selidik	38
3.5	Taburan soalan soal selidik	39
3.6	Skala Likert	40
3.7	Interpretasi skor <i>Alpha Cronbach</i>	41
3.8	Nilai kebolehpercayaan item soal selidik	42
3.9	Kaedah analisis data dalam borang soal selidik	45
3.10	Tahap skor min bagi cabaran dari aspek kemahiran dan personaliti diri serta inisiatif yang dilakukan untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan	45
3.11	Kekuatan magnitud korelasi	47
4.1	Bilangan dan peratusan responden mengikut semester pengajian	50
4.2	Bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	51
4.3	Bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman bekerja di bidang perakaunan sebelum pengikuti Diploma Akauntansi	51
4.4	Bilangan dan peratusan responden mengikut CGPA terkini	52

4.5	Tahap skor min bagi kemahiran yang dimiliki	53
4.6	Kemahiran yang dimiliki oleh responden	53
4.7	Tahap skor min bagi personaliti diri yang dimiliki responden	58
4.8	Cabaran dari aspek personaliti diri yang dimiliki oleh responden	59
4.9	Tahap skor min bagi inisiatif yang akan dilakukan selepas tamat pengajian	64
4.10	Inisiatif yang akan dilakukan oleh responden setelah tamat pengajian	65
4.11	Pekali korelasi Pearson personaliti diri dengan kemahiran	67



**SENARAI RAJAH**

<b>RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian	11
3.1	Kerangka Operasi	33



**PTTA UTHIM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Jadual Penentuan Saiz Sampel Kajian ( Krejcie dan Morgan (1970) )	90
B	Borang soal selidik	91
C	Borang semakan soal selidik	96
D	Hasil analisis kesahan dan kebolehpercayaan (kajian rintis)	102
E	Hasil kajian sebenar	106
F	Salinan surat kebenaran	116



PTAA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

IPT	Institut Pengajian Tinggi
MICPA	<i>Malaysian Institute of Certified Public Accountants</i>
ICAEW	<i>Institute of Chartered Accountants in England and Wales</i>
ACCA	<i>Association of Chartered Certified Accountants</i>
ICAA	<i>Institute of Chartered Accountants in Australia</i>
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
SPSS	<i>Statistical Packages for Social Science Series</i>



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Hushim Salleh (2000), kaunselor dan pensyarah dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya menyatakan bahawa minat, kebolehan dan pengaruh suasana semasa adalah faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya. Namun tidak kurang juga yang sering bertukar cita-cita kerana dipengaruhi oleh persekitaran. Secara umum, kerjaya boleh dibahagikan sekurang-kurangnya kepada lapan bidang utama:

- (i) Bidang kewangan/perniagaan/hartanah
- (ii) Bidang penulisan dan komunikasi
- (iii) Bidang saintifik/perubatan
- (iv) Bidang perkeranian dan pentadbiran
- (v) Bidang seni reka dan kreatif
- (vi) Bidang teknikal
- (vii) Bidang keusahawanan

(viii) Bidang perkhidmatan.

Perakaunan adalah bidang yang berkaitan aspek kewangan perniagaan (Wan Mohd Nazif dan Fazilah Ibrahim, 2005). Ia melibatkan aktiviti merekod, pemprosesan serta penyediaan, penyimpanan dan pengauditan maklumat kewangan perniagaan. Perakaunan membolehkan laporan kewangan yang tepat dan lengkap dikeluarkan kepada pihak luar mahupun pihak dalaman syarikat itu sendiri. Mengenali bidang perakaunan bukan sekadar mengetahui subjek yang akan dipelajari tetapi adalah penting mengetahui profesion perakaunan itu sendiri. Kebanyakan lulusan perakaunan tidak mengetahui tugas dan persekitaran kerja dalam bidang perakaunan.

Muzaffar Abdul Halim (2004) yang merupakan Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (FCCA) menyatakan bahawa pasaran pekerjaan kini banyak mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan yang berlaku pada peringkat global. Kini kelayakan di atas kertas saja tidak memadai bagi menghadapi bidang kerjaya yang semakin mencabar, malah seseorang perlu memiliki kelulusan sesuai dengan perkembangan industri.

Ini disokong oleh Mustafa Dakian dan Lailatul Insyirah Mustafa (2006), menerusi strategi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) menyatakan sumber tenaga manusia dibina dan ditingkatkan keupayaannya. Institusi pengajian dan latihan perlu menilai bentuk kursus dan pengajian supaya lebih relevan dengan keperluan semasa. Dalam memenuhi permintaan keperluan tenaga mahir dan berdaya saing pada abad ke-21, institusi pengajian tinggi khususnya politeknik perlu menyediakan program pengajian yang bukan sahaja menekankan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran khusus dalam disiplin pengajian mereka semata-mata tetapi program pengajian yang dibentuk perlu merangkumi kemahiran generik yang mampu memenuhi kehendak pasaran pekerjaan pada masa kini. Gabungan ilmu



pengetahuan dan kemahiran dalam jurusan yang diikuti serta kemahiran generik yang dikuasai menjadikan seseorang pelajar itu lebih produktif dan mempunyai kemampuan daya saing yang tinggi. Integrasi antara kedua-dua elemen tersebut adalah sangat penting terutamanya dalam era tanpa sempadan yang menuntut kepada sumber manusia yang berkemampuan untuk menyesuaikan diri secara berkesan dalam menghadapi segala perubahan dan perkembangan yang berlaku khususnya dalam sektor ekonomi. Graduan yang telah menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi ketika ini berhadapan dengan persaingan yang tinggi dalam mencari pekerjaan disebabkan oleh suasana penawaran dan peluang kerja di negara kita ini memerlukan mereka yang berkualiti dan mempunyai keterampilan yang tinggi untuk mengisi kekosongan jawatan di sesuatu pasaran kerja.

Fong (2000) juga menyatakan pembangunan sumber manusia masa kini perlu difokuskan kepada penyatuan pengaplikasian ilmu pengetahuan bagi memastikan kualiti kerja yang dihasilkan dapat memenuhi serta memuaskan hati pihak majikan. Sebenarnya, para graduan boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran generik yang dikuasai dalam semua bentuk tugas dan cabang kerjaya perakaunan yang diceburi iaitu perakaunan, percukaian, pengauditan, kesetiausahaan dan perundingan. Tambahan pula kemahiran generik ini boleh dimanfaatkan dalam membantu seseorang itu menjalani kehidupan seharian dan bukan hanya terhad dalam bidang kerjaya sahaja. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab institusi-institusi pendidikan tinggi seperti politeknik untuk memastikan graduan perakaunan dilengkapi dengan ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal dan kemahiran generik yang tertentu agar pelajar mempunyai tahap kompetensi yang tinggi setelah berada di alam kerjaya. Ini adalah penting untuk memastikan tenaga manusia yang dihasilkan dapat menghasilkan output yang berkesan di samping dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang sentiasa berlaku dalam dunia pekerjaan masa kini.

Antara bidang kerjaya yang menuntut tenaga kerja agar menguasai kemahiran generik dalam ruang lingkup pekerjaannya ialah kerjaya dalam bidang perakaunan. Perubahan yang sering berlaku dalam persekitaran perakaunan memerlukan individu bergelar sama ada akauntan, auditor, eksekutif akaun mahupun yang berkaitan dalam bidang perakaunan yang bekerja dalam sektor awam dan swasta melengkapkan diri mereka dengan kemahiran generik yang bersesuaian dengan urusan pekerjaan mereka (Reinstein dan Mohamed, 1997). Fong (2001) juga turut menyatakan bahawa graduan perlulah bersedia meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan juga kelayakan untuk bersaing dan menghadapi cabaran-cabaran dalam pekerjaan. Pengetahuan dan kemahiran ini penting bagi memastikan segala tugas utama bakal graduan yang bekerja dalam bidang perakaunan dapat dilaksanakan dengan cara yang berkesan dan memuaskan hati semua pihak seperti pelanggan, pelabur, pengguna maklumat perakaunan dan sebagainya.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Menurut Wan Mohd Nazif dan Fazilah Ibrahim (2005), pelunjur Institut Akauntan Malaysia (MIA) menunjukkan negara ini memerlukan antara 58,000 hingga 60,000 akauntan bertauliah pada tahun 2020. Muzaffar Abdul Halim (2004) menyatakan mengikut statistik Institut Akauntan Malaysia, sehingga kini hanya terdapat 18,186 akauntan profesional di negara ini. Ini menunjukkan negara memerlukan lebih 40,000 akauntan bertauliah bagi tempoh 17 tahun akan datang. Ini menjadikan kerjaya dalam bidang perakaunan merupakan prospek yang amat cemerlang.

Meskipun politeknik hanya menyediakan graduan lulusan Diploma Akauntansi, adalah penting untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada graduan untuk meneruskan perjuangan mereka sehingga layak untuk bergelar seorang

akauntan pada masa hadapan. Oleh yang demikian, sebagai sebuah insituti pengajian tinggi, politeknik perlu berganding bahu dalam usaha untuk menyediakan graduan dalam bidang perakaunan menjelang tahun 2020.

Menurut Ibrahim Abu Shah (2005) trend di peringkat Malaysia dan global menunjukkan bahawa peranan universiti atau institusi pengajian tinggi (IPT) melangkaui peranan tradisional. Antara lain:

- (i) IPT dilihat perlu menyumbang secara lebih meluas dalam pembangunan ekonomi.
- (ii) Keperluan, kemahuan dan harapan pemegang kepentingan (pelajar, keluarga, majikan dan masyarakat) berubah dengan kadar yang lebih pantas, maka keperluan kepada penyusunan semula kurikulum.
- (iii) Peluang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat pendidikan tinggi lebih terbuka dengan adanya sistem pendidikan jarak jauh dan pendidikan maya.
- (iv) Peningkatan jalinan hubungan antara universiti dan industri.
- (v) Peningkatan kepentingan kualiti pendidikan dan penarafan universiti.

Politeknik tidak terkecuali untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dalam usaha Malaysia mengurangkan penggantungan kepada sumber tenaga manusia dari luar. Dengan adanya latihan industri yang melibatkan pelajar semester empat jurusan Diploma Akauntansi dapat memberi peluang kepada para pelajar jurusan tersebut untuk mengetahui dengan lebih dekat mengenai senario kerjaya dalam bidang perakaunan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di kelas hanya mendedahkan pelajar kepada teori sahaja. Manakala latihan industri lebih mendedahkan pelajar untuk menempuh alam kerjaya pada masa hadapan.

Oleh itu, jalinan hubungan antara IPT dan industri dapat memberi input untuk menyusun kurikulum supaya dapat memenuhi kehendak industri.

Menurut Fong (2000), industri pada masa kini memerlukan pekerja yang dilengkapi dengan kelayakan dan kemahiran tertentu untuk menjamin seseorang pekerja itu mendapat pekerjaan. Oleh itu, menjadi satu keperluan bagi para lulusan institusi pendidikan tinggi, khususnya politeknik memiliki kelayakan dan kemahiran dalam bidang akademik tertentu.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Malaysia dijangka akan menjadi negara yang maju pada tahun 2020. Dalam usaha negara untuk bergerak ke arah itu, Dato' Shafie Mohd. Salleh (2002), Timbalan Menteri Kewangan semasa menggulung perbincangan Rang Undang-undang Akauntan (Pindaan) 2001 telah mendedahkan bahawa seramai 65 000 orang pekerja diperlukan di bidang perakaunan dalam usaha untuk menyokong pembangunan ekonomi negara.

Abdul Latif, *et. al.* (1997) menyatakan bahawa permintaan ke atas lulusan perakaunan di Malaysia di jangka meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2020. Oleh itu, semua IPT yang terdapat di negara ini menghadapi cabaran dalam memenuhi permintaan tersebut. Pelajar perakaunan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam bidang perakaunan merupakan aset penting kepada negara dalam mengharungi arus perubahan yang pesat, terutama bagi mengisi kerjaya perakaunan yang menghadapi persaingan sengit dalam era globalisasi serta suasana ekonomi yang kritikal melanda negara kita ini.

Menurut Wan Mohd Nazif dan Fazilah Ibrahim (2005), pelajar bidang perakaunan sepatutnya mengetahui cabaran-cabaran masa kini yang perlu mereka tempuhi sebelum memasuki alam pekerjaan. Di antara cabaran-cabaran tersebut adalah kemahiran dan personaliti diri.

Dalam konteks ini, pengkaji akan mengkaji cabaran-cabaran dalam membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar semester lima dan enam Diploma Akauntansi di tiga buah politeknik iaitu Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Ungku Omar.

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji cabaran-cabaran dari aspek kemahiran yang dimiliki dan personaliti diri bakal graduan Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Ungku Omar. Objektifnya adalah:

- (i) Mengenalpasti ciri utama yang sukar dimiliki bagi cabaran dari aspek kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik.
- (ii) Mengenalpasti ciri utama yang sukar dimiliki bagi cabaran dari aspek personaliti diri untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik.
- (iii) Mengenalpasti inisiatif yang akan dilakukan oleh pelajar Diploma Akauntansi setelah menamatkan pengajian.

- (vi) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik.

### 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- (i) Apakah ciri utama yang sukar dimiliki dari aspek kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik?
- (ii) Apakah ciri utama yang sukar dimiliki dari aspek personaliti diri untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik?
- (iii) Apakah inisiatif yang akan dilakukan oleh pelajar setelah menamatkan pengajian?
- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik?



### 1.6 Hipotesis

Hipotesis telah dibentuk berdasarkan kepada persoalan kajian yang keempat. Hipotesis yang dibentuk adalah seperti berikut:

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik.

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan di antara personaliti diri dan kemahiran untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan di kalangan pelajar Diploma Akauntansi politeknik.

### 1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini menumpukan cabaran-cabaran serta tindakan yang akan dilakukan oleh pelajar Diploma Akauntansi politeknik untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan pada masa hadapan.



### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini adalah terbatas kepada pelajar-pelajar semester lima dan enam Diploma Akauntansi di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Politeknik Seberang Perai dan Politeknik Ungku Omar. Pelajar-pelajar ini telah menjalani latihan industri dan telah didedahkan kepada persekitaran alam kerjaya.

### **1.9 Kepentingan Kajian**

Hasil kajian ini dapat membantu pelajar lulusan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi yang mengikuti jurusan Diploma Akauntansi untuk membina kerjaya dalam bidang perakaunan serta cabaran yang perlu ditempuhi. Hasil kajian ini juga dapat membantu pensyarah-pensyarah dalam membimbing pelajar mereka untuk mengetahui tentang bidang kerjaya yang bakal diceburi. Kajian ini juga dapat memberi input kepada politeknik untuk memberi lebih pendedahan kepada pelajar-pelajar untuk memilih kerjaya dalam bidang perakaunan.





### Rujukan

- Abdul Hasnal Isa (2003). "Kajian Keberkesanan Dan Kesesuaian Program Diploma Akauntansi Politeknik Di Dalam Praktis." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Abdul Latif Shaik Mohamed Al-Murisi, Zakaria Taib dan Hamzah Ismail (1997). "Seminar Peranan Ahli Akademik Perakaunan ke Arah Mencapai Wawasan 2020." Universiti Utara Malaysia.
- Alan, C. (1999). "Evaluation Research: An Introduction to Principles, Methods and Practice". London Sage Publications Ltd.
- Ary, D., Jacobs L. C. dan Razavieh A. (1990). "Introduction to Research in Education." New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Best, J. W. dan Khan, J. V. (1998). "Research in Education". Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Chris Guilding, Pak Auyeung dan Deborah Delaney (2003). "The Key Elements Of Introductory Accounting." Singapore: Seng Lee Press Pte Ltd. 3.
- Chua, Yan Piaw (2005). "Asas Statistik Penyelidikan." McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Coleman, M. , Kreuze, J. dan Langsam, S. (2004). "The New Scarlet Letter: Student Perceptions of the Accounting Profession After Enron." *Journal of Education for Business*. 3. 134-141.

Fedoryshyn M.W. dan Tyson T. N. (2003). "The Impact of Practitioner Presentations on Student Attitudes About Accounting." *Journal of Education for Business*. 5. 273-284.

Fong, Chan Onn (2000). "Ucapan di Persidangan Kementerian Sumber Manusia." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://www.jaring.my/ksm/spm38.htm>.

Fong, Chan Onn (2001). "Ucapan di Majlis Konvokesyen Institut Latihan Perindustrian Jabatan Tenaga Rakyat." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://www.jaring.my/ksm/spm50.htm>.

Hashanah Ismail (2002). "Perakaunan Kewangan dan Pelaporan." Selangor: McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Hassall T. dan Joyce J. (2003). "The Vocational Skills Gaps for Management Accountants." *Innovations in Education and Teaching International*. 78-88

Hushim Salleh (2000). "Kerjaya." Utusan Malaysia 20 Ogos 2000. Dicapai pada 2 Oktober 2006.

Ibrahim Abu Shah (2005). "Agenda Dalam Dasar Pendidikan." Kertas Kerja Seminar Agenda Melayu.

Johan Raslan (2005). "Perakaunan Amat Menarik dan Mencabar." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://www.pwc.com>.

"Kamus Dewan Edisi Ketiga." Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kristine N. P. dan Douglas E. Z. (2004). "International Knowledge, Skills, and Abilities of Auditors/Accountants." *Managerial Auditing Journal*. 19. 889-896.

Krejeie, R. V. dan Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size for Research." *Educational and Psychological Measurement*. 207 -210.

Lendal, K (1997). "Management by Menu." London: Wiley and Son Inco..

Linda M. J. dan Van E. J. (1995). "What the Classifieds Say About Employers' Expectations." *Journal of Education For Business*. **70**. 130-136.

"MIA Going All Out to Promote Accountancy Profession at The Star Education Fair 2006." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://www.mia.com>.

Mohd Majid Konting (2005). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mustafa Dakian dan Lailatul Insyirah Mustafa (2006). "RMK-9 dan Belanjawan 2006 Mangkin Wawasan 2020." Kuala Lumpur: Media Network Sdn. Bhd.

Muzaffar Abdul Halim (2004). "ACCA Penuhi Permintaan Sektor Awam Dan Swasta." Berita Harian 29 Mac 2004. Dicapai pada 20 Januari 2007.

Noraza Mat Udin dan Mazlina Mat Zain (2001). "Communication Skill of Entry-Level Accountants in Malaysia." Universiti Utara Malaysia: Kertas Penyelidikan.

Nor Balkish Zakaria (2006). "Pilih Perisian Perakaunan Syarikat Mesti Tepat dan Berbaloi." Kuala Lumpur: Media Network Sdn. Bhd.

Nor Balkish Zakaria (2006). "Sebanyak 45 Peratus Syarikat di Dunia Jadi Mangsa Jenayah Ekonomi." Kuala Lumpur: Media Network Sdn. Bhd.

Ramlee Mustapha (2000). "Teacher's Attitudes Towards Vocational Education and Training." *Jurnal Pendidikan* 25 (2000) 3 – 21.

- Reinstein, A. dan Mohamed E. Bayou (1997). "Critical Thinking in Accounting Education: Process, Skills and Applications." *Managerial Auditing Journal*. **12**. 336-342.
- Sanuzee Shafie (2003). "Persediaan Pelajar Tahun Akhir Diploma Akauntansi Sebelum Memasuki Alam Pekerjaan Berdasarkan Kriteria Yang Dikehendaki Oleh Majikan." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Selvaraj D. Susela (1999). "Interests and Accounting Standard Setting in Malaysia." *Accounting Auditing & Accountability Journal*. **12**. 358-387.
- Senarath Yapa P.W (1999). "Professional Accounting Environment in Brunei Darussalam." *Accounting Auditing & Accountability Journal*. **3**. 328-339.
- Shaari Isa (1997). "Perakaunan: Teori dan Praktis." Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Mohd. Salleh (2002). "Pindaan Rang Undang-undang Akauntan." Kuala Lumpur: Media Network Sdn. Bhd.
- Suhaila Madros (2001). "Kemahiran Menggunakan Perisian Perakaunan Sebagai Persediaan ke Alam Pekerjaan." Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). "Analisa Data Dalam Penyelidikan Pendidikan." Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Tuckman, B. W. (1988). "Conducting Educational Research." 1st Edition. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Uma Sekaran (1992). "Research Method for Business: A Skill Building Approach." 2nd ed. USA: John Wiley and Sons Inc.

Verma, G. K. dan Mallick, K. (1999). "Researching Education: Perspectives and Techniques." Hong Kong: Falmer Press Taylor & Francis Group.

Wan Mohd Nazif dan Fazilah Ibrahim (2005). "Kerjaya Dalam Bidang Perakaunan." Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Yusof Othman dan Sharifah Aidid (1996). "Panduan Penyelidikan Sains dan Penulisan Saintifik Jilid 1." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkarnain Muhamad Sori, Shamser Mohamad dan Mahamad Ali Abdul Hamid (1998). "Why Companies Fail? An Analysis of Corporate Failures." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://ssrn.com/abstract=612235>.

Zulkarnain Muhamad Sori, Shamser Mohamad dan Yusuf Karbhari (2003). "Auditor Reputation and Auditor Independence: Evidence From Emerging Market." Dicapai pada 2 Oktober 2006 daripada <http://www.econ.upm.edu.my/~zms/>



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH